

03/12/1997

Pengawasan mata wang mungkin dibantah

Wan Sabariah Shikh Ali

USAHA untuk melaksanakan pengawasan dan peraturan yang selaras terhadap perdagangan mata wang penting dilaksanakan tetapi ia dijangka menerima bantahan daripada pihak yang berkepentingan termasuk negara yang bergantung pendapatan daripada kegiatan seumpama itu.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC), Datuk Dr Munir Majid, berkata mereka yang terbabit dalam kegiatan perdagangan mata wang mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar, malah boleh memberikan tekanan dalam sistem ekonomi negara tertentu.

"Akan ada tentangan yang jelas daripada pihak berkenaan jika kegiatan ini hendak dikawal. Kepentingan yang begitu besar tidak mudah untuk disisihkan kerana mereka bukannya tanpa kuasa dan pengaruh," katanya pada sesi perbincangan panel meminimumkan risiko dan memaksimumkan pulangan di negara Asean, semalam.

Munir berkata, sebenarnya banyak kebenaran yang diperkatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai perdagangan mata wang, tetapi beliau sering dituduh oleh golongan yang berkepentingan sebagai sengaja menyalahkan pihak tertentu terhadap krisis pasaran yang dialami sekarang.

Nilai perdagangan mata wang jauh lebih tinggi daripada perdagangan barangan dan perkhidmatan, tetapi ia sukar ditentukan kerana banyak lagi industri yang bersandarkan kepada kegiatan seumpama itu.

Menurutnya, cara ringgit ditekan hanyalah mencerminkan sebahagian kecil daripada kepentingan dan kuasa industri itu.

Hakikatnya, tegas beliau, ada negara yang bergantung kepada jumlah urusniaga dan pendapatan daripada kegiatan perdagangan mata wang yang pada masa ini tidak dikawal oleh sebarang bentuk peraturan.

Sebagai pasaran atas kaunter, ia tidak dilakukan menerusi bursa tertentu kecuali dagangan membabitkan urus niaga hadapan.

"Persoalannya ialah kenapa ketika kita menyatakan mesti ada piawai dan peraturan dalam kegiatan institusi kewangan, prinsip yang sama tidak dipakai dalam kegiatan dana lindung nilai atau dana pelaburan sama ada mereka yang terbabit dalam perdagangan mata wang atau bentuk pelaburan lain," katanya.

(END)